

## APM bantu bersihkan pokok tumbang

Samadi Ahmad  
[am@hmetro.com.my](mailto:am@hmetro.com.my)



ANGGOTA APM membantu membersihkan pokok tumbang akibat hujan dan angin kencang di pusat pentadbiran kerajaan hari ini. FOTO ihsan APM

Putrajaya: Hujan lebat disusuli angin kencang menyebabkan beberapa kawasan di sini, dilanda banjir kilat petang semalam.

Hujan yang bermula 2.30 petang itu, turut menyebabkan kejadian pokok tumbang selain beberapa laluan dinaiki air hingga tidak boleh dilalui kenderaan.

Pegawai Pertahanan Awam Putrajaya, Mejari (PA), Ahmad Junaidi Dukut Soerharto berkata, hujan lebat dan angin kencang itu menyebabkan pokok tumbang di Presint 8, Presint 2 dan Presint 9.

Menurutnya, banjir kilat pula berlaku di Presint 9 Fasa 8 akibat saluran longkang tersumbat sebelum surut sepenuhnya.

"Di kawasan Hospital Putrajaya, banjir kilat berlaku tetapi kemudian surut dan ia dipercayai akibat saliran yang tidak dapat menampung air hujan di kawasan pembinaan," katanya.

Ahmad Junaidi berkata, APM menerima laporan berkenaan banjir kilat dari orang awam dan bergerak ke lokasi bagi membuat pemantauan pada 4.30 petang.

Katanya, kerja-kerja pembersihan pokok tumbang membabitkan enam pekerja kontraktor Perbadanan Putrajaya dan 15 anggota APM, selesai pada 8.40 malam.

**Disiarkan pada: Januari 26, 2022 @ 8:25am**